

DIALOG ANTARA AGAMA: REALITI DAN PROSPEK DI MALAYSIA
RELIGIOUS DIALOGUE: ITS REALITY AND PROSPECTS IN MALAYSIA

Rahimin Affandi Abd. Rahim^{1*}, Mohd Anuar Ramli¹, Paizah Ismail² dan Nor Hayati Mohd Dahlal³

¹Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

²Kuliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, Selangor

³Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi MARA, Pulau Pinang

*Corresponding author: faqir_ila_rabbih@um.edu.my

Dialog agama merupakan mekanisme berkesan dalam mewujudkan perpaduan kaum dan agama. Selepas diisytiharkan tahun 2001 sebagai tahun dialog, pendekatan ini mula diterima ramai. Kesannya, lahir beberapa siri dialog antara peradaban dan agama. Walaupun pada mulanya bersifat kaku dan berhati-hati, kini ia berkembang ke arah lebih positif dalam mewujudkan persefahaman dan pada masa yang sama meminimumkan konflik. Artikel ini pada dasarnya akan membincangkan tentang senario hubungan agama di Malaysia yang diwarnai dengan konflik yang besar mahupun kecil, dengan penawaran mekanisme dialog antara agama sebagai alternatif penyelesaian. Dalam dialog ini, ada etika yang perlu diamalkan oleh semua pihak yang terlibat agar ia dapat dijayakan dengan berkesan dalam realiti Malaysia.

Kata kunci: dialog agama, konflik, perpaduan, peradaban, etika

Religious dialogue has become an effective mechanism in promoting ethnic and religious harmony. After declaring 2001 as the year of dialogue among civilisations, this approach has been well received in Malaysia. As a result, several dialogues of civilisation and religions had taken place. Although these dialogues were lifeless and cautious in the beginning, they began to develop in a positive manner forging understanding and at the same time minimising conflicts. This article essentially discusses religious relations in Malaysia that are marked by several major and minor conflicts, with the offer of a dialogue mechanism for religious groups as an alternative solution. In this proposed dialogue, certain code of ethics needs to be adhered to by all parties concerned so that its benefits can be attained within the Malaysian reality.

Keywords: religious dialogue, conflict, unity, civilization, ethics

© Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2011

PENGENALAN

Dalam situasi dunia moden yang dikenali juga dengan *term* globalisasi, penduduk dunia dari setiap benua yang berbeza mengharungi pelbagai masalah sosio-politik-budaya yang rencam. Hal ini memerlukan suatu bentuk formula alternatif bagi menyatukan seluruh penduduk dunia dalam iklim yang harmoni. Alternatif ini adalah melalui mekanisme pembudayaan dialog antara agama. Walaupun pengkhususan diberikan kepada realiti Malaysia, tetapi kaedah ini boleh diperluaskan untuk semua penduduk dunia, dinilai daripada penggunaan fungsi agama untuk penyelesaian masalah manusia sejagat. Manusia sebagai makhluk ciptaan Allah mempunyai pelbagai fitrah dan sifat yang utama (*homo religious*) iaitu memerlukan agama untuk kesejahteraan hidup.

Dalam konteks Malaysia, agama mempunyai kaitan rapat dengan pengenalan kaum. Kaum majoriti adalah Melayu yang beragama Islam, diikuti kaum Cina yang beragama Buddha, Konfucius dan Taoisme serta kaum India yang beragama Hindu dan lain-lain. Agama Kristian merupakan agama yang sedang berkembang merentasi kaum. Populasi Muslim adalah seramai 60.4%, manakala bukan Islam sebanyak 39.6% yang mana Kristian (9.1%), Buddha (19.2%), Hindu (6.3%), Konfucius dan lain-lain (5.0%) (Bureau of East Asian and Pacific Affairs) (lihat Indrajit dan Logan, 2008).

Dengan kepelbagaian ini, ia menjadi satu cabaran dalam usaha mewujudkan perpaduan kaum dan agama. Justeru, dalam landskap sosio-politik negara, terdapat berbagai-bagai sejarah hitam, dalam konteks hubungan kaum dan agama. Antaranya insiden yang besar seperti rusuhan kaum 1969, kes Maria Hertogh, Kampung Medan dan insiden yang kecil seperti isu perarakan kepala lembu di Selangor dan meletakkan kepala khinzir dalam masjid di Kuala Lumpur.

Rusuhan kaum 13 Mei 1969 merupakan konflik terburuk dalam sejarah hubungan antara etnik di Malaysia. Pergaduhan telah berlaku selepas meraikan kemenangan kumpulan pembangkang dalam pilihan raya. Banyak orang yang terperangkap di tengah-tengah kekacauan dan rusuhan yang ngeri serta dahsyat. Ramai terbunuh, cedera, rumah dibakar, harta benda dimusnahkan dan kenderaan dirosakkan (Comber, 2001; The National Operations Council, 1969).

Begitu juga dengan peristiwa pergaduhan beramai-ramai di Petaling Jaya Selatan. Satu insiden pergaduhan beramai-ramai telah berlaku pada awal Mac 2001 di kawasan Petaling Jaya Selatan yang merupakan satu penempatan yang mempunyai komposisi etnik pelbagai dan berbeza latar belakang kelas dan taraf sosio-ekonomi. Peristiwa tragik ini mengorbankan enam nyawa dan 44 orang cedera. Kejadian yang tercetus di kawasan PJS4, PJS5, PJS6 dan PJS7 ini

melibatkan dua kumpulan etnik utama iaitu Melayu dan India (Kamaruddin, 2002).

Semua insiden ini dapat menggambarkan situasi hubungan kaum dan agama dalam konteks Malaysia berada dalam keadaan yang rapuh. Sehubungan dengan itu, persefahaman antara agama dan kaum perlu dipupuk melalui pembudayaan dialog antara agama.

KONSEP DIALOG ANTARA AGAMA

Perbincangan mengenai dialog antara agama adalah sebahagian daripada disiplin ilmu yang dibahaskan dalam bidang kajian perbandingan agama. Perkataan dialog dalam bahasa Melayu bermaksud percakapan, perbualan dalam lakonan, cerita atau apa sahaja bentuk pertuturan serta pertukaran pendapat, perbincangan, perundingan antara dua pihak atau lebih mengenai sesuatu isu secara terbuka. Dalam bahasa Inggeris, *dialogue* berasal daripada perkataan Greek *dialectic* yang bermaksud *discourse* atau wacana (Reese, 1996). Merujuk kepada etimologi Greek, istilah dialog berasal dari dua gabungan perkataan, pertama ia yang bermaksud *through* yakni menembusi atau melalui, sementara perkataan kedua adalah *logos* yang bermaksud "perkataan" tetapi ia turut membawa pelbagai definisi seperti yang berhubung kait dengan prinsip dan pandangan mengenai sesuatu perkara. Justeru, dialog membawa maksud sesuatu pandangan, idea yang dibincang untuk mencapai sesuatu kesimpulan atau matlamat yang bermanfaat kepada pihak-pihak yang terlibat. Dalam bahasa Arab, dialog disebut *al-hiwar*, merujuk kepada etimologinya yang berasal daripada ha, wau, ra. Ibn Manzur (2005) dalam kitabnya *Lisan al-Arab* mendefinisikan *al-hiwar* iaitu dialog sebagai *al-ruju* yang bermaksud kembali semula atau dirujuk semula.

Swidler (2003) mentakrifkan dialog sebagai perbincangan mengenai sesuatu perkara antara dua orang atau lebih yang berbeza pandangan dengan tujuan utama setiap pihak dapat mempelajari daripada pihak lain agar mereka boleh berubah dan berkembang maju. Definisi tersebut, sekurang-kurangnya mengetengahkan beberapa ciri penting serta andaian awal yang terdapat pada dialog. Pertama, dialog bertitik tolak dari perbezaan pandangan. Kedua, ia bukan sahaja memerlukan persefahaman di antara pihak yang terbabit akan tetapi juga menuntut perubahan dari segi pendirian dan adakalanya, kepercayaan. Ketiga, dialog turut merupakan tindak balas (*reaction*) kepada masalah dan kemelut yang timbul, atau dengan kata lain, ia bersifat pragmatik.

Secara lebih terperinci, dialog dalam konteks agama Kristian merupakan satu gesaan terhadap perkara yang seharusnya dilakukan oleh penganut Kristian iaitu bercakap atau berkomunikasi dengan penganut agama lain yang tidak hanya

melibatkan aktiviti perbincangan tetapi lebih utama lagi ialah keupayaan mempamerkan cara hidup yang sebenar dan menyenangkan kepada penganut lain. Sebagaimana yang dinukilkan oleh Thomas Michel (2000) melalui definisi dialog oleh Pope John Paul, dialog mempunyai pelbagai bentuk dan ekspresi yang pada tradisinya adalah pertukaran idea antara pakar-pakar agama sebagai wakil rasmi dalam sebuah forum untuk mewujudkan kerjasama demi kepentingan pembangunan bersama dan pemeliharaan nilai-nilai agama sehingga kepada perkongsian pengalaman spiritual mengikut agama masing-masing yang lazimnya dikenali sebagai "dialog kehidupan" iaitu setiap penganut menyaksikan kehidupan seharian yang didasarkan dengan nilai-nilai spiritual dan kemanusiaan serta menyemai sikap saling bantu-membantu demi kepentingan hidup bersama.

Ekspresi dialog sebegini direncamkan dalam empat bentuk dialog antara agama yang terkandung dalam dokumen *The attitude of the church towards the followers of other religions: Reflections and orientations on dialogue and mission*, 1984, 28–35 dan *Dialogue and proclamation: Reflection and orientations on interreligious dialogue and the proclamation of the Gospel of Jesus Christ*, 1991, 42 diterbitkan oleh pihak Vatikan sebagai dialog kehidupan, dialog tindakan/perlakuan, dialog pertukaran faham agama (teologi) dan dialog perkongsian pengalaman keagamaan. Perkara ini mengkehendaki penganut Kristian melibatkan diri dalam semua aspek kehidupan dengan mewujudkan semangat perkongsian bersama penganut agama lain dan mempelajari cara hidup sebagai Kristian untuk diaplikasikan bersama dengan penganut agama lain dan merangkumi tatacara berinteraksi, bertingkahtaku, berfikiran dan bertindak balas mengikut ajaran Kristian.

Idealisme dialog turut diperincikan oleh Azizan Baharuddin (2005) yang menekankan dialog adalah suatu bicara dengan pihak yang berfikiran berbeza daripada kita dengan tujuan utamanya belajar cara berfikir yang berlainan dan baru, suatu cara untuk melihat alam dan kehidupan serta maknanya, bukan debat untuk mengalahkan dan menundukkan orang lain. Beliau menjelaskan lagi bahawa semua pihak mesti mendengar dengan perasaan yang empati supaya dapat difahami kedudukan pihak lain dengan setepat yang mungkin dan menonjolkan suatu perlakuan yang begitu murni dan bermoral iaitu menuntut manusia mengatasi tanggapan negatif dan rendah diri serta bersifat jujur dan ikhlas.

Berasaskan pengertian dialog di atas, adalah jelas bahawa secara umumnya dialog adalah satu elemen komunikasi dan medium interaksi yang melibatkan pertemuan dan perbincangan mengenai sesuatu isu yang menimbulkan perbezaan pendapat, kesangsian dan salah faham di antara pelbagai masyarakat yang tinggal bersama. Dialog tidak hanya terbatas pada perkara yang membincangkan konflik

dan kemelut masyarakat tetapi dialog juga berperanan dalam memupuk persefahaman dan perkongsian hidup bersama.

ETIKA DALAM DIALOG ANTARA AGAMA

Dialog agama merupakan mekanisme berkesan dalam melahirkan perpaduan kaum dan agama. Ia perlu diterima secara positif dan selektif oleh penganut agama. Dalam berdialog, terdapat etika khusus yang perlu dipatuhi oleh pihak-pihak tertentu.

Pertama, ia tidak boleh menjejaskan kerangka dan pemahaman asas yang berteraskan konsep tauhid yang terkandung di dalam ajaran Islam. Asas tauhid ini seperti mana diperjelaskan oleh sarjana teologi Islam adalah bersifat tetap dan tidak boleh berubah sehingga kiamat (Ramli, 1998). Hal ini bermakna, walau apa pun bentuk dialog antara agama yang dilakukan, pendekatan ala sekularisme yang menolak peranan ketuhanan dalam kehidupan manusia dan bergantung sepenuhnya kepada peranan akal dan nafsu manusia di dalam menentukan segala aspek penting di dalam kehidupan perlu dijauhkan sama sekali (Muhammad Zainiy, 2001). Lebih buruk lagi, mengikut pendekatan kajian sekularisme Barat, sebarang elemen yang berkaitan dengan fenomena ketuhanan dan metafizik akan dianggap sebagai karut dan tidak bersifat empirikal (Abdul Rahman Abdullah, 2000). Bahkan mereka menganggap bahawa penderitaan manusia adalah berpunca dari kelemahan manusia yang tertipu dengan berpegang kepada kepercayaan keagamaan.

Dalam soal ini, Mohamad Kamal (1996) menjelaskan:

Mereka mempunyai sikap yang tidak senang terhadap agama dan menganggap penerusan hidup agama dalam dunia moden sama ada sebagai *a relic of medieval obscurantism* atau sebagai satu daripada manifestasi *primitivism* dan *irrationality* dalam diri manusia.

Kedua, mengakui tentang elemen universal yang wujud di antara agama besar dunia tanpa melibatkan persoalan aqidah. Menurut Soroush (2001), ia merangkumi penekanan kepada sistem moral yang baik, penekanan kepada hukuman terhadap sesuatu perbuatan yang buruk, sikap alami terhadap alam semesta, penekanan kepada soal penyucian diri untuk tujuan kebaikan dan penekanan kepada budaya ilmu.

Ketiga, menerima pluralisme agama yang positif. Ia dicirikan dengan:

1. Tidak sekadar menunjuk adanya kemajmukan tetapi keterlibatan aktif yang mana setiap pemeluk agama dituntut bukan sahaja mengakui keberadaan dan hak agama lain, tetapi terlibat dalam usaha memahami perbezaan dan persamaan untuk mencapai kerukunan dalam kepelbagaian.
2. Harus dibezakan dari kosmopolitanisme. Kosmopolitanisme merujuk kepada suatu realiti di mana pelbagai ragam agama, ras dan bangsa hidup berdampingan di satu lokasi tetapi interaksinya pada tahap minima.
3. Berbeza dari relativisme yang berkaitan dengan nilai. Kesannya, semua agama adalah sama.
4. Bukan sinkretisme iaitu campuran atau paduan unsur tertentu atau sebahagian komponen ajaran dari beberapa agama untuk dijadikan agama baru (Alwi, 1998).

Keempat, menerima inklusif lawan eksklusif agama. Pemikir-pemikir besar agama seperti Seyyed Hoessein Nasr (Islam), Hans Kung (Kristian), Gunaseela Vitanage (Buddha) dan Raimundo Pannikar (Hindu) menjelaskan akan perlunya dikembangkan sikap beragama secara inklusif dan menolak eksklusivisme (falsafah keterbukaan atau merasa rendah diri sendiri serba betul dan menafikannya kepada orang lain) kerana di dalamnya ada kecenderungan eksklusif yang menentang atau menolak agama lain (Shaharom, 2003).

Kelima, mengelakkan cemuhan budaya serta agama lain (*cultural and religious ridicule*) dan mengelakkan perdebatan teologis doktrinal yang berakhir dengan kebuntuan.

Keenam, perlu bersikap toleransi antara penganut agama untuk mengelak sebarang konflik. Toleransi dalam pergaulan dengan golongan bukan Islam bukanlah toleransi dalam masalah-masalah keagamaan, melainkan perwujudan sikap keberagamaan pemeluk suatu agama dalam pergaulan hidup antara orang yang tidak seagama dalam masalah-masalah kemasyarakatan atau kepentingan umum.

Ketujuh, memelihara kerukunan di antara penganut agama. Ia bukan bererti merelatiskan agama-agama yang ada dengan melebur kepada satu totaliti (sinkretisme agama) melainkan sebagai cara atau sarana untuk mempertemukan, mengatur hubungan luar antara orang luar yang tidak seagama dalam proses sosial kemasyarakatan (Sahibi, 1983).

Kelapan, perlu mengelak tiga gejala buruk yang ditegah oleh semua agama dan etika kemanusiaan sejagat. Trilogi ini menghasilkan unsur *terrorist*, iaitu ekstremisme, cauvanisme dan fanatisisme. Dan terorisme ini berkembang dalam

paradigma, strategi dan taktiknya ke arah apa yang disebut hiperterorisme (*hyperterrorism*) kesan perkembangan hiperteknologi (Shaharom, 2003).

Secara asasnya, dialog itu perlu disertai oleh golongan pakar dan penganut yang komited, mengenal pasti isu yang didialogkan untuk kepentingan manfaat bersama, diiringi dengan sifat yang baik dan ingin belajar yang tinggi, lebih memberikan penekanan kepada isu-isu persamaan tentang bagaimana agama boleh menyelesaikan masalah manusia, tidak mengandungi unsur perdebatan yang boleh menjatuhkan maruah penganut yang lain, tidak bertujuan memperkecilkan dan mengubah sesuatu pegangan agama pihak yang lain, serta tidak mempertikaikan bahagian agama yang bersifat tetap dan tidak boleh berubah (Mohamad Khatami, 1998).

Sejajar dengan pendekatan positif, Parlimen Agama Dunia (*Parliament of the World's Religions*) yang bersidang di Chicago pada tahun 1993 telah menerbitkan Deklarasi Terhadap Etika Global (*Declaration Towards a Global Ethic*) yang disediakan oleh Küng (2002). Semua perwakilan agama dunia memberi komitmen untuk mempromosikan:

1. Budaya yang tidak ganas (*non-violence*) dan menghormati semua hidupan.
2. Budaya solidariti (perpaduan) dan keadilan ekonomi.
3. Budaya persamaan hak dan perkongsian antara lelaki dan perempuan.

Sehubungan dengan itu, etika-etika tersebut perlu diambil kira dalam hubungan dialog di antara orang Islam dengan bukan Islam di Malaysia khususnya bagi membina satu persefahaman dalam masyarakat yang beragama cara hidup, budaya dan agama.

REALITI DIALOG AGAMA DI MALAYSIA

Kebiasaannya, sesuatu proses dialog itu akan membabitkan perbincangan antara dua pihak atau lebih dengan mempunyai unsur pertemuan, komunikasi, persepakatan, pemahaman, perhubungan dan persefahaman secara kolektif. Terdapat tiga bentuk dialog agama yang berkembang di Malaysia. Ia tidak bersifat statik tetapi dinamik selari dengan perubahan dan perkembangan masyarakat.

Pada dasarnya kewujudan tiga bentuk dialog agama ini dalam konteks Malaysia mempunyai perkaitan erat dengan sejarah hubungan masyarakat Alam Melayu silam yang bersifat terbuka-selektif dengan difusi budaya ataupun agama asing yang berasal daripada kawasan luar Alam Melayu (Hashim, 2001a).

Pertama, dialog dalam kehidupan. Dialog ini berlaku apabila anggota masyarakat yang berbeza terpaksa ataupun berusaha untuk hidup bersama di luar batasan kelompok sendiri tanpa dibatasi oleh ruang lingkup agama. Dalam beberapa kes terpencil, seperti mana berlaku dalam masyarakat Baba dan Nyonya di Melaka, etnik bukan Melayu telah mengalami proses asimilasi yang cukup tinggi dengan masyarakat Melayu, sehingga dilihat telah meleburkan budaya etnik mereka yang asal (Vaughan, 1974).

Mereka akan hidup berjiran, bergotong-royong dan sama-sama berkongsi perasaan sedih dan duka dalam masalah kemanusiaan. Dialog dalam bentuk ini paling kerap dikesan berlangsung dalam kehidupan masyarakat Malaysia walaupun kadang-kadang bersifat *superficial* dan ditaja khusus dalam bentuk iklan media massa bagi memberi tunjuk ajar kepada anggota masyarakat. Falsafah pembangunan negara sejak selepas merdeka hinggalah pada masa sekarang yang menekankan integrasi nasional lebih menekankan elemen dialog dalam bentuk patriotisme ini tanpa menjuruskan kepada isu nilai-nilai agama yang cukup serius (Abdul Rahman, 2004).

Kedua, dialog melalui tindakan bersama. Ia dapat direalisasikan apabila setiap penganut agama yang berbeza bersepakat merancang dan melaksanakan tindakan yang menguntungkan semua pihak. Pada kebiasaannya, dialog bentuk ini dilakukan oleh *non-governmental organisation* (NGO) Islam dan bukan Islam yang bersatu memperjuangkan isu-isu membabitkan kemanusiaan sejagat seperti isu alam sekitar, kepenggunaan, kemiskinan, pendidikan, dadah, AIDS, kebebasan demokrasi dan globalisasi. Semua pihak bersetuju dengan peranan setiap agama dalam pelbagai nilai dan formula bagi menyelesaikan permasalahan masyarakat (Ahmad Sunawari, 2003).

Selain daripada NGO, terdapat juga badan agama-agama bukan Islam (Malaysian Consultative Council of Buddhisme, Christianity, Hinduisme and Sikhisme) yang bernaung di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM); bagi menyuarakan dan memperjuangkan kepentingan setiap penganut agama bukan Islam di Malaysia (Ibrahim, 2003).

Bagi penganut Islam, badan rasmi ini walaupun ditubuhkan bukan untuk kepentingan politik sesuatu kaum, tetapi ianya kerap kali menimbulkan pelbagai konflik keagamaan dan perkauman. Hal ini boleh dilihat daripada perkara berikut:

1. Sikap beberapa aktivis agama bukan Islam yang turut mempersoalkan dan mengapi-apikan isu pertukaran agama Islam dalam kalangan kaum bukan bumiputera (Mohamed Azam, 2000).

2. Jawatankuasa Teknikal Syariah dan Sivil (JTSS) yang dipertanggungjawabkan untuk melakukan proses *review* dan perubahan terhadap sistem perundangan Islam dan sivil agar kedua-duanya lebih bersifat Malaysia—sering dianggap secara negatif oleh penganut agama bukan Islam. Hal ini telah menyebabkan proses *reviewing* ini dijalankan secara *low profile* bagi mengelakkan bantahan golongan bukan Islam (Rahimin Affandi, 2003a).
3. Tindakan Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism (MCCBCHS) yang turut mencampuri isu politik; apabila menentang keras cadangan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) untuk menjalankan undang-undang hudud di Kelantan. Begitu juga terdapat beberapa aktivis bukan Islam yang secara lantang menentang cadangan PAS untuk membentangkan Akta Kawal propaganda agama bukan Islam di Malaysia—yang disifatkan sebagai tidak boleh diterima, tidak demokratik dan bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia (Ibrahim, 2003).
4. Dasar Islamisasi kerajaan seperti Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam telah dinilai oleh penganut bukan Islam sebagai usaha untuk memantapkan kedudukan masyarakat Melayu, yang dianggap sebagai sifat nasionalisme Melayu yang keterlaluan sehingga mengancam kedudukan masyarakat bukan Islam (Jaffary, 2003).

Ketiga, dialog melalui wacana intelektual. Ia berlaku sama ada dalam bentuk (1) bilateral (membabitkan dua agama) seperti Dialog Islam-Kristian, ataupun (2) trilateral (membabitkan agama Abrahamic) seperti agama Islam-Kristian-Yahudi, ataupun dalam bentuk (3) multilateral (membabitkan agama Abrahamic dan budaya). Ternyata dialog bentuk multilateral ini didapati lebih efektif kerana perbincangannya lebih berfokus dan lebih terkawal (Ahmad Sunawari, 2003).

Dialog bentuk ini masih lagi terhad dalam konteks Malaysia semasa, apabila ia lebih khusus dijalankan hanya di Institusi Pengajian Tinggi dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) serta tidak diperluaskan skopnya ke dalam kehidupan masyarakat yang lebih besar. Fenomena ini berlaku kerana dialog itu merupakan satu bentuk kemahiran insaniah yang wajar dipelajari dan dibudayakan. Selain itu, para pendialog wajar mempunyai ilmu pengetahuan dalam bidang pengkajian agama dan perbandingan agama selain memiliki kepakaran dalam bidang kajian teks kitab-kitab suci agama selain Islam dan benar-benar memahami dan menguasai ilmu berkenaan agama budaya.

Pada peringkat antarabangsa, sebagai respons kepada pertelingkahan yang kerap wujud antara pihak Barat, Israel, Palestin dan Negara Arab; dialog dalam bentuk trilateral (membabitkan agama Abrahamic) seperti agama Islam-Kristian-Yahudi lebih kerap diadakan, khususnya oleh pemimpin agama Abrahamic ini bagi

meredakan titik pertelingkahan yang memang mempunyai latar belakang sejarah yang agak panjang (Newby, 1996). Apa yang lebih penting lagi, bertepatan dengan piawaian hak asasi manusia serta kebebasan agama (New World Order), pihak Barat secara berterusan telah meneliti perkembangan hubungan dan dialog agama bentuk wacana ilmiah di Malaysia, sebelum menentukan minat mereka untuk melabur di dalam aktiviti ekonomi di Malaysia (Heath, 1996).

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa trend negatif yang berkaitan dengan realiti dialog melalui wacana intelektual ini, di antaranya sikap prejudis melulu penganut Islam terhadap agama lain. Penganut Islam perlu dididik bagi mengamalkan sikap toleransi beragama terhadap penganut bukan Islam kerana rata-ratanya penganut Islam masih bersikap prejudis kepada penganut agama lain (Chandra, 1997). Hal ini menyebabkan gerakan kebangkitan semula Islam yang melanda masyarakat Melayu telah menyisihkan masyarakat bukan Islam di Malaysia. Hal ini amat mendukacitakan jika dilihat kepada sirah perjuangan mubaligh yang awal di Alam Melayu, yang mengamalkan pendekatan dakwah ala Sufisme sehingga berjaya di dalam usaha dakwah mereka. Pendekatan ala Sufisme ini telah menunjukkan sikap yang positif dengan kepelbagaian agama yang wujud dalam masyarakat Melayu silam (Rahimin Affandi, 2003b).

Senario negatif ini telah menyebabkan penganut bukan Islam menjadi takut dan sinikal dengan perkembangan gerakan kebangkitan semula Islam. Sewajarnya penganut bukan Islam perlu diperjelaskan bahawa fenomena kebangkitan Islam ini bukanlah imperialisme budaya, kerana Islam adalah agama universal dan bukan milik orang Melayu semata-mata, dan penyebaran mesejnya bukan sahaja untuk memperkuatkan kedudukan bangsa itu tetapi juga memberi kebaikan kepada bangsa-bangsa lain (Jaffary, 2003: 82).

Ia juga dapat dilihat dalam kegagalan pada kebanyakan dasar rasmi kerajaan. Menurut Paul (1993), beliau mempertikaikan kemampuan impak dialog wacana dalam kehidupan yang diwujudkan dalam majlis rasmi kerajaan seperti di sekolah dan tempat awam. Ia dianggap kurang berkesan untuk mewujudkan kesedaran bagi penganut Islam untuk memahami nilai-nilai murni universal agama lain. Hasilnya, trend ini menyebabkan penganut Islam tidak bersedia untuk menghadiri majlis masyarakat penganut bukan Islam seperti upacara pengebumian dan majlis perkahwinan. Sebaliknya masyarakat bukan Melayu seperti penganut Buddha, Hindu, Taoisme dan Konfucius lebih mudah mengadakan interaksi dengan masyarakat Kristian.

Bagi Muhammad (1987), penganut Islam perlu berusaha untuk memahami realiti kehidupan beragama masyarakat bukan Melayu di Malaysia. Interaksi dalam ruang-ruang yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam seharusnya dimaksimumkan. Sikap memencilkan diri ini hanya bakal menyebabkan

penganut agama lain menjadi terus jahil mengenai Islam meskipun mereka sudah lama hidup bersama dengan penganut Islam. Keadaan ini sekiranya tidak dibendung akan membentuk "tembok tersendiri" dalam kalangan bangsa Malaysia sekali gus sikap salah faham masyarakat bukan Islam terhadap penganut Islam dan sebaliknya semakin membentuk jurang yang lebar dalam hubungan umat beragama di Malaysia. Hal ini akan memangkinkan lagi kesukaran untuk mewujudkan dialog antara agama dalam wacana ilmiah di Malaysia secara lebih terbuka.

Lebih lanjut lagi, Paul (1993) menegaskan kegagalan dialog dalam wacana ilmiah ini disebabkan tiga faktor yang utama:

1. Kekurangan pakar yang benar-benar memahami agama-agama di Malaysia.
2. Penumpuan yang lebih diberikan kepada aspek perbezaan etnik khususnya antara Melayu dan bukan Melayu.
3. Tiadanya sikap keterbukaan dari pihak masyarakat Islam untuk bersemuka serta berdialog dengan masyarakat bukan Melayu.

Fenomena ini dikuatkan dengan sikap sinikal yang diamalkan oleh penganut Kristian. Pandangan ini menuntut penganut agama Kristian agar lebih positif dalam menangani dialog agama melalui wacana ilmiah dengan penganut bukan Kristian. Hal ini dikemukakan oleh Batumalai (1989) tentang keperluan mengamalkan sikap proaktif dan terbuka bagi penganut agama Kristian untuk memahami sosio-budaya dan agama masyarakat bukan Kristian khususnya masyarakat Melayu dalam usaha mendekati mereka. Ringkasnya, kefahaman tentang aspirasi, budaya dan adat sesuatu masyarakat beragama menjadi prasyarat kepada wujudnya dialog ilmiah di antara penganut yang beragama bukan Kristian. Sebagai alternatif untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan penganut bukan Islam, beliau mencadangkan:

1. Masyarakat Kristian perlu bersatu meskipun wujud perbezaan mazhab sesama mereka.
2. Mengadakan dialog dengan pihak kerajaan yang dapat dilakukan dengan anggota masyarakat bukan Islam menyertai NGO bagi menyuarakan hasrat mereka yang tidak bertentangan dengan dasar kerajaan.
3. Mengemukakan beberapa nilai yang terkandung dalam agama lain seperti Kristian agar dapat dijadikan sebagai nilai universal rakyat Malaysia.

PROSPEK DIALOG ANTARA AGAMA DI MALAYSIA

Trend dialog agama di Malaysia masih mempunyai prospek yang cerah. Kenyataan ini dibuat berdasarkan kepada realiti fenomena globalisasi yang memungkinkan proses penyebaran maklumat khususnya tentang sesuatu agama menjadi lebih terbuka dan boleh diperoleh oleh sesiapa sahaja. Dalam era globalisasi, bentuk perhubungan masyarakat dunia telah berubah dengan wujudnya ruang siber dan maya (*virtual reality*) yang tidak pernah berlaku sebelumnya dalam sejarah manusia.

Ruang siber ini dinyatakan oleh Jalaluddin (2002) sebagai "ruang atmosfera atau ruang udara yang mengandungi jisim dan jirim yang menjadi laluan gelombang cahaya dan bunyi sebagai medan penghantaran maklumat serta laluan untuk berkomunikasi. Ia dimanfaatkan untuk sistem komunikasi sama ada dengan menggunakan wayar ataupun tidak. Ia adalah jaluran lebuhraya maklumat yang boleh melampaui batasan jarak, sempadan, masa dan tempat apabila digunakan untuk berkomunikasi." Tambah beliau lagi, "kelahiran ruang siber ini mempercepatkan lagi proses mentamadunkan pemikiran manusia kerana melaluinya penyebaran dan proses transformasi maklumat lebih mudah dan cepat. Kesan kewujudan ruang siber melalui falsafah *cyborg* ini telah melahirkan masyarakat baru (*online*) yang berbeza daripada masyarakat massa (industri). Fenomena ini antara lainnya bakal membolehkan setiap penganut agama mengetahui dan memahami sesuatu ajaran agama lain dengan lebih mendalam lagi daripada sumber yang betul, tanpa dipengaruhi oleh sesuatu pandangan yang bersifat berat sebelah (Abdullah Embong, 2001).

Selain itu, keadaan ini turut disokong dengan tersebarnya pelbagai buku dan laman web berkaitan agama Islam yang menjelaskan sikap ajaran Islam yang menentang keras sebarang bentuk amalan ekstremisme yang melampau. Hal ini dibuktikan lagi dengan pasca peristiwa 11 September, masyarakat Barat telah berusaha mengkaji ajaran Islam daripada sumbernya yang sahih; al-Quran dan al-Sunnah. Hasilnya, sebahagian besar masyarakat Barat merasa hairan kerana sebahagian besar daripada ajaran Islam didapati penuh dengan sifat rahmah (nilai kemanusiaan) yang amat baik, kemuncaknya boleh dilihat dengan bertambah ramai masyarakat Barat yang telah memeluk agama Islam (Newby, 1996).

Dalam masa yang sama, wujudnya inisiatif manusia moden tentang pentingnya fungsi agama di dalam kehidupan manusia. Seperti mana dinyatakan oleh Mohammad Kamal (2001), sebahagian besar masyarakat Barat yang terdiri daripada sarjana, Ketua Pengawai Eksekutif, hakim dan Islamis (Sarjana pengkaji Islam di Institusi Barat) mengakui bahawa fenomena keruntuhan moral yang berlaku di Barat adalah sebagai akibat langsung daripada tindakan manusia Barat yang meninggalkan agama dalam kehidupan dan lebih mementingkan nafsu serta

materialisme semata-mata, yang kononnya mampu memberikan kebahagiaan sejati kepada umat manusia. Penekanan terhadap isu moral untuk manusia (aspek makanan rohani) mula disedari oleh sarjana Barat bukan boleh bergantung kepada sumber akal semata-mata, tetapi memerlukan kepada sentuhan ajaran agama. Hal ini kerana agama dilihat mampu memberikan input kerohanian kepada jiwa manusia berhubung dengan tujuan hidup, matlamat dan kesudahan hidup manusia.

Senario ini dapat dilihat dengan wujudnya perpaduan semua agama besar di dunia untuk mengambil pendekatan dialog, sebagai respons terhadap serangan ganas yang dibawa oleh fahaman terorisme. Lebih tepat lagi, telah timbul kesedaran tentang pentingnya semua agama besar di dunia perlu bersatu untuk menangani hegemoni fahaman bentuk baharu yang dibawakan oleh fenomena globalisasi. Hal ini telah melahirkan dialog antara agama yang dipelopori dalam kalangan penganut agama terbesar di dunia. Contoh yang jelas bagi menunjukkan kesedaran ini boleh dilihat daripada pandangan Gereja Katolik yang mengiktiraf semua penganut agama selain Kristian Katolik akan diterima di sisi tuhan (Rahminah, 2000). Begitu juga halnya dengan tindakan gereja di England yang memohon maaf dan bersimpati dengan nasib umat Islam di Iraq yang diserang oleh kuasa besar North Atlantic Treaty Organization.

Selari dengan itu, wujudnya kesedaran umat Islam tentang kepentingan dihidupkan trend dialog agama dalam konteks dunia moden ini. Trend ini dapat dikesan secara meluas di Malaysia dan Indonesia, tetapi sayangnya telah mendapat tentangan hebat daripada sesetengah golongan yang menuduh trend dialog agama yang berdasarkan pluralisme agama ini sebagai mengkhianati ajaran Islam (Hamid Fahmy, 2004). Bagi penganut Islam, trend dialog agama yang dijadikan agenda utama oleh pelbagai institusi Islam moden perlu disokong, berdasarkan beberapa manfaat utama, antaranya:

1. Elemen positif yang terhasil akibat pengamalan keterbukaan yang disertakan pula dengan sifat toleransi yang mengakui kewujudan sesuatu pandangan lain, mencakupi dua aspek yang utama, (a) sifat terbuka dan perlu saling mempelajari terhadap semua mazhab di dalam Islam dan (b) sifat terbuka terhadap semua penganut agama terbesar dunia. Secara jelas ketinggian tamadun Barat, Cina, Korea dan Jepun boleh dipelajari kerana ia berpunca daripada ajaran etika dan etos kerja murni yang dimiliki oleh agama besar dunia, seperti Konfuciusme, Shintoisme dan Protestant ethic (Shukri dan Razali, 2001).
2. Pendekatan dialog ini boleh dijadikan sebagai wadah utama untuk mengatasi isu polarisasi kaum yang sedang melanda masyarakat Malaysia semasa. Demi untuk melupakan tragedi 13 Mei 1969 dan mengukuhkan perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia, pihak

kerajaan dan pelbagai NGO sama ada yang berteraskan agama Islam dan agama lain telah bertungkus lumus untuk menyumbangkan pelbagai idea bernas bagi menjayakan program perpaduan ini. Secara majoriti semua NGO bersetuju bahawa faktor agama boleh menjadi titik perpaduan berbanding dengan faktor etnik dan budaya, memandangkan semua penganut agama terbesar di Malaysia meyakini setiap agama tidak menggalakkan penganutnya bertindak secara ganas dan menindas sesama manusia (Ibrahim, 2003).

3. Sebagai kaedah utama untuk menghapuskan tohmahan buruk yang diberikan oleh media Barat terhadap ajaran Islam dan penganutnya. Dewasa ini, kelihatannya pandangan negatif yang dibawa oleh sarjana Barat telah lebih mendominasi dan diterima pakai oleh pihak berkuasa Barat dalam merangka dasar luar mereka terhadap dunia umat Islam (Gerges, 1999). Rata-ratanya kalangan orientalis Barat ini memberikan kupasan yang agak *stereotype* terhadap Islam dan gerakan Islam moden di seluruh dunia dengan menonjolkan gerakan Islam moden sebagai golongan pengganas yang hauskan darah masyarakat bukan Islam. Hal ini berlaku disebabkan antara lainnya kerana faktor agama Islam itu sendiri yang menggalakkan penganutnya bertindak ganas terhadap golongan bukan Islam (Lewis, 1993). Selain itu, gerakan Islam turut diwar-warkan sebagai ancaman utama kepada dominasi *order* baru dunia moden yang ditaja oleh Amerika Syarikat. Pandangan ini bersesuaian dengan teori *clash of civilization* yang diutarakan oleh Samuel Huntington, yang menganggap faktor budaya dan agama, khususnya agama Islam yang menjadi musuh utama masyarakat Barat, yang harus diperangi secara habis-habisan (Huntington, 1993).

Bagi menangani keadaan ini, kalangan penganut agama perlu mengamalkan pendekatan proaktif dengan mempergiatkan dialog antara agama dan dialog peradaban untuk memberi imej yang positif tentang setiap agama dan dalam masa yang sama membina persefahaman dengan penganut agama lain.

KESIMPULAN

Populasi bangsa Malaysia bukan sahaja terpisah dari sudut geografi, malah dari sudut fizikal dan budaya. Tahap perpaduan antara kaum dan agama di Malaysia masih berada dalam keadaan yang rapuh walau kemerdekaan negara telah berlangsung lebih 50 tahun. Justeru, sebagai jambatan untuk membina keharmonian antara kaum dalam konteks masyarakat Malaysia adalah melalui dialog antara agama.

Jelasnya, apabila ditelusuri secara mendalam paradigma yang menjadi tunjang utama Islam dalam menangani persoalan kehidupan menonjolkan bahawa Islam meletakkan dasar dan prinsip yang cukup jelas dan kukuh terhadap konsep dialog agama ini. Ia bersifat positif dan terbuka selama mana tidak menjejaskan prinsip tauhid yang telah dikuatkan dan ditetapkan oleh *world-view* Islam yang berpaksikan wahyu Allah, dan tidak mendatangkan kemudaratan kepada keseluruhan umat manusia. Proses dialog agama yang telah dijalankan dalam konteks Malaysia semasa masih mempunyai banyak kelemahan yang perlu diperbaiki bersama oleh kedua-dua pihak pendialog daripada penganut Islam dan bukan Islam. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa seandainya hal ini tidak diperbaiki dan diperkukuhkan oleh kedua pihak, prospek dialog agama di Malaysia amat malap dan sekali gus membina "tembok besar" tersendiri dan akhirnya nikmat keharmonian hidup yang telah terjalin dalam hubungan antara umat beragama di negara ini nanti dibimbangi semakin terhakis dan terhapus.

Justeru, sewajarnya para ilmuwan Muslim dan para cendekiawan bukan Islam bersatu dalam membangunkan paradigma baru dalam menangani konflik agama dalam kalangan masyarakat Malaysia yang beraneka agama, budaya, tamadun dan peradaban. Ia wajar dilaksanakan secara berhemah dan berhikmah bagi memastikan semua pihak dapat hidup dalam aman dan damai.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Abdullah. 2000. *Wacana falsafah sejarah: Perspektif Barat dan Timur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Aziz. 2004. *Falsafah pembangunan*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Abdullah Embong. 2001. Sistem maklumat Islam: Cabaran dan keperluan maklumat umat Islam di Malaysia dari perspektif agama. In *Teknologi maklumat dan komunikasi: Harapan, cabaran dan barakah*. Alor Setar: INSANIAH.
- Ahmad Sunawari Long. 2003. Dialog antara agama-agama: Prasyarat persefahaman antara agama-agama. In *Agama dan perpaduan kaum di Malaysia*, ed. Jaffary Awang. Bangi, Selangor: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alwi Shihab. 1998. *Islam inklusif: Menuju sikap terbuka dalam beragama*. Bandung: Penerbit Mizan.

- Amin Abdullah. 2000. Kajian ilmu kalam di IAIN: Menyongsong perguliran paradigma keilmuan keislaman pada era milenium ketiga. *Al-Jamiah* 65(6): 84–85.
- Azizan Baharuddin. 2005. *Dialog peradaban: Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Center for Civilization Dialogue, Universiti Malaya.
- Azyumardi Azra. 1999. *Renaisans Islam Asia Tenggara: Sejarah wacana dan kekuasaan*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Batmalai, S. 1989. Responses to Islamic resurgence in Malaysia: From a Christian perspective. *Asian Journal of Theology* 3(1): 1–14.
- Chandra Muzaffar. 2001. Globalisation and religion: Some reflection. In *Religion and culture in Asia Pacific: Violence or healing*, ed. J. A. Camilleri. Melbourne: Vista Publication.
- _____. 1997. Accommodation and acceptance of non-Muslim communities within the Malaysian political system: The role of Islam. *American Journal of Islamic Social Sciences* 13(1): 28–41.
- Comber, L. 2001. *13 May 1969: A historical survey of Sino-Malay relations*. 2nd ed. Singapore: Graham Brash.
- Gerges, F. A. 1999. *America and political Islam: Clash of cultures or clash of interest*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hamid Fahmy Zarkasyi. 2004. *Tantangan sekularisasi dan liberalisasi di dunia Islam*. Surabaya: Penerbit Khairul Bayan.
- Hashim Musa. 2004. *Pemeriksaan tamadun Melayu Malaysia menghadapi globalisasi barat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- _____. 2001a. Islam: An overview in history and contemporary world. *Jurnal AFKAR* 2: 17–42.
- _____. 2001b. *Merekonstruksi tamadun Melayu Islam: Ke arah pembinaan sebuah tamadun dunia alaf baru*. Kuala Lumpur: Academy of Malay Studies Universiti Malaya.
- Hassan Ahmad. 2006. *Memperkasa bangsa melalui kekuatan dalaman: Ke arah kelahiran Melayu global*. Kuala Lumpur: Alaf 21 Sdn Bhd.

- Heath. P. 1996. Some American perceptions of developing Muslim countries. In *Development, Islamic, Malaysian and American perspectives*, ed. Aidit Haji Ghazali. Kuala Lumpur: INMIND.
- Huntington, S. P. 1993. The clash of civilizations? *Foreign Affairs* Summer 72(3): 22–49.
- Ibn Manzur. 2005. *Lisan al-Arab*. Beirut, Lebanon: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Ibrahim Abu Bakar. 2003. Beberapa cabaran utama kepada agama-agama di Malaysia. In *Agama dan perpaduan kaum di Malaysia*, ed. Jaffary Awang. Bangi, Selangor: Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____. 1994. *Islamic modernism in Malaya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Idris Zakaria. 1999. Intelek Eropah dan penentangan terhadap agama. *al-Maw'izah* 7: 15–21.
- Indrajit Banerji and S. Logan. 2008. *Asian communication handbook 2008*. Singapore: Asian Media Information and Communication Centre (AMIC) and Wee Kim Wee School of Communication and Information, Nanyang Technological University.
- Jaffary Awang. 2003. Toleransi agama dan perpaduan kaum: Response intelek Malaysia – Satu observasi ringkas. In *Agama dan perpaduan kaum di Malaysia*, ed. Jaffary Awang. Bangi, Selangor: Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jalaluddin Abdul Malek. 2002. Falsafah reruang siber dan komuniti online: Cabaran pembangunan alaf baru. In *Falsafah dan peradaban pembangunan*, ed. Misran Rokimin. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamar Oniah Kamaruzaman. 2001. Inter-faith dialogue: Moving forward, setting premises and paradigms. In *Religion and culture in Asia Pacific: Violence or healing*, ed. J. A. Camilleri. Melbourne: Vista Publication.
- Kamaruddin M. Said. 2002. Anomie, etnisiti, jarak sosial, dan jenayah benci: Analisis sosiologikal peristiwa pergaduhan beramai-ramai di Petaling Jaya Selatan. In *Keluarga, gender dan cabaran sosial di Malaysia*, eds. Lukman Z. Mohamad. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

- Khoo, K. K. 2003. Kaum, bangsa dan agama dalam peradaban Malaysia. In *Globalisasi dalam peradaban di Malaysia*, ed. A. Aziz Deraman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Küng, H. 2002. Many faith-one tolerance. In *The end of tolerance*, eds. S. Stern and E. Seligmann. London: Nicholas Brealey Publishing.
- Lewis, B. 1993. Islam and liberal democracy. *Atlantic Monthly*, February.
- _____. 1990. The roots of Muslim rage. *Atlantic Monthly*, September.
- M. Periasamy. 2005. *Malaysia sebuah negara Islam: Menurut perspektif warga bukan Islam*. Kuala Lumpur: Ministry of Information, Malaysia.
- Michel, T. 2000. *Dialogue in the context of consecrated life: Working with others for justice and peace*. Oxford, London: Oxford University Press.
- Mohamad Abu Bakar. 2001. Pengaruh luar dan pengislaman dalam negeri: United Kingdom dan Eire dalam kebangkitan semula Islam di Malaysia. In *Jendela masa: Kumpulan esei sempena persaraan Dato' Khoo Kay Kim*, ed. Mohammad Redzuan Othman. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohamed Azam Mohamed Adil. 2005. Kebebasan beragama dan hukuman ke atas orang murtad di Malaysia. In *Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan cabaran*, ed. Ahmad Hidayat Buang. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- _____. 2000. Bidang kuasa dan kedudukan Mahkamah Syariah di Malaysia pasca Alaf 20: Ke arah mana? *Jurnal Syariah* 8(2): 103–122.
- Mohammad Haji Yusuf. 1993. Hubungan antara kelompok: Rujukan kepada "Sejarah Melayu." In *Psikologi Melayu*, ed. Abdul Halim Othman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Kamal Hassan. 2001. *Intellectual discourse at the end of the 2nd millennium: Concerns of a Muslim-Malay CEO*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press.
- _____. 1996. Pembentukan ilmu kemasyarakatan dari perspektif Islam. In *Sains sosial dari perspektif Islam*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Khatami. 1998. *Membangun dialog antara peradaban: Harapan dan tantangan*. Bandung: Mizan.

- Mohd. Azizuddin Mohd Sani. 2002. *Hak asasi manusia menurut pandangan Islam dan barat*. Kuala Lumpur: Penerbitan PTS.
- Muhammad Abu Bakar. 1989. Selepas kebangkitan semula Islam, pengislaman dan pendakwahan masa kini: Satu overview. *Ilmu Masyarakat*, 16(Oktober–Disember).
- _____. 1987. *Penghayatan sebuah ideal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Natsir Mahmud. 1997. *Orientalisme: Al-Quran di mata barat*. Semarang: Pustaka Pelajar.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1992. *Pensejarahan Melayu: Kajian terhadap tradisi sejarah Melayu nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Zainiy Uthman. 2001. Islam, sains dan pemikiran objektif: Suatu perbandingan ringkas. *Jurnal YADIM* 2: 146–148.
- Munawir Sjadzali. 1993. *Islam dan tata negara: Ajaran sejarah dan pemikiran*. Jakarta: UII Press.
- Newby G. D. 1996. Muslim/non-Muslim relations: Lesson from the past for a better future. In *Development, Islamic, Malaysian and American perspectives*, ed. Aidit Haji Ghazali. Kuala Lumpur: INMIND.
- Osman Bakar. 2003. Globalisasi dan peradaban. In *Globalisasi dalam peradaban di Malaysia*, ed. A. Aziz Deraman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Paul Tan Chee Ing. 1993. Muslim-Christian relations in Peninsular Malaysia. *Islamochristiana* 19, 125–151.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2003a. Adakah Malaysia sebuah negara Islam, *Jurnal YADIM* 5, 1–15.
- _____. 2003b. Al-Quran dan peranan ulama Melayu dalam pemodenan rantau alam Melayu. In *Warisan al-Quran dan peradaban manusia siri 1*, ed. Mohd Radzi Othman, 1–43. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- _____. 2000a. Fiqh Malaysia: Suatu tinjauan sejarah. In *Fiqh Malaysia: Ke arah pembinaan fiqh tempatan yang terkini*, ed. Paizah Ismail, 22–25. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam.

- _____. 2000b. Orientalisme dan keutuhan ummah Islam: Suatu analisis. *Jurnal Syariah* 9(1): 39–41.
- Rahminah Muharam. 2000. Hubungan Islam dan Kristian dalam konteks dokumen vatican 11. *Pemikir* Oktober–Disember.
- Ramli Awang. 1998. *Tasawwur rabbani menurut al-Quran dan sunnah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Reese, J. S. 1996. *Recasting social values in the work of Virginia Woolf*. London: Associated University Press.
- Riddell, P. 2001. *Islam and the Malay-Indonesian world*. Singapore: Oxford University Press.
- Sahibi Naim. 1983. *Kerukunan antara umat beragama*. Jakarta: PT Gunung Agung.
- Shaharom TM Sulaiman. 2003. Hiperterorisme dan hiperteknologi: Babak baru pertembungan barat-Islam. Paper presented at Seminar Islam dan Era Imperialisme Baru organized by Persatuan Ulama Malaysia, Petaling Jaya.
- Shukri Ahmad and Razali Mat Zin. 2001. *Adab dan etika kerja dalam organisasi*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Soroush Abdul Karim. 2001. Evolusi dan devolusi pengetahuan keagamaan. In *Wacana Islam liberal: Pemikiran Islam kontemporer tentang isu-isu global*, ed. Charles Kurzman. 411–424. Jakarta: Penerbit Paramadina.
- Swidler, D. L. 2003. *Dialogue in Malaysia and the global scenario*. Kuala Lumpur: Center for Civilizational Dialogue, Universiti Malaya.
- The National Operations Council. 1969. *The May 13 Tragedy: A report*. Kuala Lumpur: The National Operations Council.
- Vaughan, J. D. 1974. *The manners and customs of the Chinese of the straits settlement*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1989. *The concept of knowledge in Islam and its implications for education in a developing country*. London: Mansell Publication.